

ANALISIS PERBAHASAN 13 SIFAT WAJIB BAGI ALLAH SWT MENURUT TUAN GURU ABDULLAH LUBOK TAPAH DALAM PERSEDIAAN BAGI SEKALIAN MUKALLAF

ANALYSIS ON THE DISCUSSION OF 13 ATTRIBUTES OF ALLAH SWT ACCORDING TO TUAN GURU ABDULLAH LUBOK TAPAH IN PERSEDIAAN BAGI SEKALIAN MUKALLAF

Abdul Latif Mohd @ Mohamed^{1*} & Muhammad Ariff Asyraf Suhaini¹

¹ Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdul Hamid Abu Sulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
abdullatif0739@gmail.com

Sumbitted Date:
1 January 2025

Revised Date:
5 February 2025

Accepted Date:
13 April 2025

Kata Kunci:

Kata kunci: Tuan Guru Abdullah
Lubok Tapah, Risalah Persediaan
Bagi Sekalian Mukallaf, Akidah,
Sifat 20, Sifat Ma'ānī.

Keywords:

Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah,
Risalah Persediaan Bagi Sekalian
Mukallaf, 'Aqīdah, 20 Attributes,
Ma'ānī Attributes.

Cite as:

Abdul Latif Mohd @ Mohamed &
Muhammad Ariff Asyraf Suhaini.
2025. Analisis Perbahasan 13 Sifat
Wajib bagi Allah SWT Menurut
Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah
dalam Persediaan bagi Sekalian
Mukallaf. *Jurnal Islam dan
Masyarakat Kontemporari*. 26(1):
77-100

ABSTRAK

Tuan Guru Haji Abdullah bin Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubok Tapah merupakan seorang ulama Melayu yang sangat masyhur dan berpengaruh di negeri Kelantan. Sehingga kini terdapat beberapa penulisan tentang beliau yang berkait latar belakang kehidupan dan biografi beliau. Walaubagaimanapun tidak banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan pemikiran dan penulisan beliau. Artikel ini akan menumpukan kepada aspek ini iaitu dengan menumpukan kepada pemikiran beliau melalui kitab beliau yang bertajuk *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf*. Kajian ini bersifat kualitatif iaitu menumpukan kepada latar belakang tokoh, latar belakang intelektual, sumbangannya kepada masyarakat, pengenalan kepada kitabnya dan pemikiran beliau. Hasil kajian mendapati metod Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah dalam menerangkan 7 Sifat Ma'ānī dipengaruhi oleh *Bākūrah al-Amānī* karya gurunya Syekh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī (w. 1965M) yang menggunakan imbuhan awalan "pe" dalam menerjemahkan 7 sifat itu ke Bahasa Melayu. Beliau juga turut menggunakan istilah 'sengoti' untuk memudahkan pembacanya dalam memahami sifat-sifat ini. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah merupakan seorang tokoh dalam bidang akidah dan Ilmu Kalam yang dibuktikan oleh huraian dan penerangannya dalam kitab *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*. Beliau juga mahir dalam ilmu mantik dan juga seorang yang banyak beramal kerana kitab ini juga menyenaraikan beberapa doa-doa amalan yang memberikan ciri unik kepada kitab ini.

ABSTRACT

Tuan Guru Haji Abdullah bin Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubok Tapah was a renowned and influential Muslim Malay scholar in Malaysia state of Kelantan. So far, there have been some writings that solely focus on his background and biography, but very little, if not none, research has been done on his thoughts and writings. This article then will shed some light on his thoughts through his book titled *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*. This research implements a qualitative method that contains the figure's background, intellectual background, contributions to society, introduction to the book and lastly his thoughts. The researchers find that Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah was influenced by his teacher, Shaykh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī's *Bākūrah al-Amānī* in expounding the 7 Ma'ānī attributes of Allah SWT that uses "pe" prefix in translating it to Malay. The scholar also employ 'sengoti' terminology in further explaining the attributes. It can be concluded that Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah was a prominent figure in the field of 'aqīdah and kalām as can be seen from the discussions and explanations in his book. He was also versed in mantiq and very pious considering that his book also lists some beneficial prayers that can be practiced by its readers which gives the book a unique feature not usually found in other works that are in the same field.

PENGENALAN

Manhaj Ilmu Sifat 20 yang wajib bagi Allah SWT merupakan suatu set ilmu yang penting dan imperatif dalam ilmu akidah sehinggakan ia menjadi wajib untuk dipelajari bagi setiap mukalaf (Rahman et al., 2022). Perbahasan para ulama berkaitan Sifat 20 dikatakan bermula pada zaman Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (w. 324H) walaupun beliau tidak memasukkan Sifat *Ma‘nawīyyah* sebagai sifat yang wajib dipelajari, namun beliau tidak juga menafikan sifat tersebut (Abd. Latif & Mohd Azhar, 2018) kerana Sifat *Ma‘nawīyyah* itu lazim kepada Sifat *Ma‘ānī*. Sebagai contoh, Allah SWT bersifat dengan *Qudrah* dan ini sudah cukup untuk menunjukkan bahawa Allah SWT juga bersifat dengan *Kawnuhu Qādirān* (Joll, 2018).

Para ulama *Ashā‘irah* yang terkemudian seperti al-Bāqillānī (w. 403H) dan al-Ḥaramayn (w. 478H) pula berpendapat bahawa Sifat *Ma‘nawīyyah* itu dikira sebagai sifat yang wajib dipelajari dan inilah pendapat yang masyhur dan popular (Muhammad Zain, 2021). Maka, terserlahlah di sini bahawa metod ulama *Ashā‘irah* dalam membenteng sifat-sifat bagi Allah SWT ini berkembang dan akhirnya memuncak serta disusun secara sistematik oleh al-Sanūsī (w. 895H) (Amat Misra et al., 2021).

Pendapat yang masyhur dalam perbahasan sifat-sifat bagi Allah SWT ialah sebagaimana yang diperkenalkan oleh al-Sanūsī (w. 895H), iaitu sifat-sifat itu terbahagi kepada empat iaitu yang pertama ialah satu Sifat *Nafsiyyah* iaitu *Wujūd*. Kedua ialah lima Sifat *Salbiyyah* iaitu *Qidam*, *Baqā’*, *Mukhālafatuhu li al-hawādith*, *Qiyāmuhu binafsihi* dan *Waḥdāniyyah*. Ketiga ialah tujuh Sifat *Ma‘ānī* iaitu *Qudrah*, *Irādah*, *‘Ilm*, *Ḥayāh*, *Sam’*, *Baṣar* dan *Kalām*, manakala tujuh Sifat *Ma‘nawīyyah* ialah *Kawnuhu Qādirān*, *Kawnuhu Murīdan*, *Kawnuhu Ḥayyan*, *Kawnuhu Samī‘an*, *Kawnuhu Baṣīran* dan *Kawnuhu Mutakalliman* (al-Sanūsī, 2019; Amat Misra et al., 2021).

Dari segi fahaman akidah, dunia Melayu sememangnya dipengaruhi oleh fahaman *Ashā‘irah* yang diasaskan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Pengaruh ini sekurang-kurangnya telah bertapak atau meluas selewat abad ke-18 menerusi ulama-ulama Melayu yang banyak dipengaruhi oleh *Umm al-Barāhīn* karya al-Sanūsī khususnya (Stapa et al., 2018). Perkara ini sangat jelas dan nyata jika dilihat kepada kitab akidah atau manuskrip Jawi tulisan para ulama Melayu yang mengikut metod al-Sanūsī dalam *Umm al-Barāhīn* yang sangat mayshur tersebut. Contohnya, *al-Dūrr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu‘minīn* karya Dāwud al-Faṭānī (w. 1847M), *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id* oleh Aḥmad bin Muḥammad Zayn al-Faṭānī (w. 1908M), *Miftāḥ al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawḥīd* karya Tuan Minal (w. 1913M) dan lain-lainnya termasuk *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf* karya Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah (w. 2008M) yang dibicarakan ini.

Terdapat juga sebahagian ulama’ Melayu yang menerangkan ilmu Sifat 20 itu dengan metod yang sedikit berbeza seperti Ismā‘īl bin ‘Abd al-Qādir al-Faṭānī (w. 1965M), atau lebih dikenali dengan panggilan ‘Pak Da ‘Eil’, di dalam kitabnya *Bākūrah al-Amānī* yang menggunakan imbuhan awalan ‘pe’ dalam menerjemahkan Sifat *Ma‘ānī* kepada Bahasa Melayu (Mohd Pidrus et al., 2022). Kemudian, boleh dilihat juga bagaimana muridnya Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah turut mengikuti jejak langkah gurunya di dalam kitabnya *Persediaan* yang bertujuan untuk menjadi suatu kitab akidah bagi pemahaman dan pengertian orang awam.

Tambahan, kebanyakan karya yang menuruti metod al-Sanūsī hanya menggunakan dalil ‘aqli dan kurang menggunakan dalil naqli walaupun perbahasan sifat-sifat Allah SWT itu merupakan antara perkara-perkara yang ghaib. Bukanlah maksudnya disini penggunaan dalil ‘aqli dalam perkara ini tidak dibenarkan sama sekali kerana penggunaannya ini ada sebabnya. Hal ini adalah kerana perbahasan Sifat 20 yang dimasyhurkan oleh al-Sanūsī bertujuan untuk menyangkal konsep ketuhanan ahli falsafah yang menyimpang dari kebenaran (Abd. Latif & Mohd Azhar, 2018) dan memandangkan mereka juga menolak dalil naqli. Justeru, para ulama Ahli Sunnah Waljamaah menggunakan dalil ‘aqli bagi menentang mereka. Namun begitu, memahami dalil ‘aqli beserta dalil naqli itu amatlah penting untuk melangkau batasan akal manusia dalam mencapai *ma ‘rifah* (Abdul Halim, 2021).

Selain itu, tidak seperti tokoh-tokoh yang telah disebutkan sebelum ini dan karya-karya mereka, tiada kajian pernah dilakukan terhadap kitab *Persediaan* milik Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah ini, khususnya penggunaan imbuhan “pe” dalam menerjemahkan Sifat *Ma ‘ānī*. Sedangkan beliau dan bapanya merupakan tokoh alim berpengaruh yang menjadi rujukan oleh pelbagai pihak dan sangat dihormati oleh orang ramai. Kedua-dua tokoh dari Pondok Lubok Tapah, Kelantan ini bagaikan ikon bagi rakyat Kelantan dan mereka juga mempunyai pengaruh yang besar di negeri itu pada zaman kehidupan mereka (Latief et al., 2021). Dalam tulisan ini pengkaji akan mengecilkan skop perbahasan dan hanya akan menumpukan kepada 13 Sifat yang pertama yang wajib bagi Allah SWT iaitu satu Sifat *Nafsīyyah*, lima Sifat *Salbiyyah* dan tujuh Sifat *Ma ‘ānī* menurut Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan kajian kualitatif iaitu kajian kepustakaan iaitu merujuk kepada bahan-bahan bacaan di perpustakaan sahaja. Tambahan lagi, pengkaji juga merujuk kepada artikel jurnal dan artikel saluran berita seperti *Harian Metro*. Namun, metodologi ini terhad dalam membekalkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian oleh kerana kebergantungannya kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Pencarian bahan rujukan termasuk latar belakang tokoh, latar belakang pendidikannya dan pengajaran, guru-guru dan muridnya, sumbangan tokoh kepada masyarakat dan berkaitan terjemahan Sifat *Ma ‘ānī* dengan imbuhan “pe” serta aplikasi ilmu *manṭiq* oleh pengarang *Persediaan*.

LATAR BELAKANG TUAN GURU HAJI ABDULLAH PONDOK LUBOK TAPAH



Gambar 1: Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah mengajar di Masjid Pondok Lubok Tapah

Tuan Guru Haji Abdullah Pondok Lubok Tapah lebih dikenali sebagai Tok Guru Haji Lah Lubok Tapah (Ismail, 2020) atau nama penuhnya Tuan Guru Haji Abdullah bin Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Che Wan bin Senik bin Haji Muhammad bin Lebai Abdul Latif bin Abdullah Lubok Tapah (Mohamed Ramli, Al-Shiddieque Ahmad, & Mohd. Zin, 2017). Isteri beliau pula bernama Hajjah Yas @ Kamariah binti Haji Abdul Ghani merupakan anak kepada Tuan Guru Abdul Ghani Kubang Bemban yang juga seorang alim yang masyhur dan pengasas Pondok di Kubang Bemban, Kelantan (Jamsari et al., 2011). Beliau dilahirkan di Kampung Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan pada tarikh 11 Februari 1933 bersamaan bulan Syawal 1351 Hijrah. Beliau merupakan seorang pakar bidang fikah (Ismail, 2020) dan bermazhab Syafii disamping menerima juga mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali (Latief et al., 2021).

Beliau menerima pendidikan ketika masih kecil dari bapanya iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubok Tapah (w. 1989M) yang merupakan seorang alim di Kelantan dan pengasas Madrasah ar-Rahmaniah ad-Diniah Pondok Lubok Tapah pada tahun 1932. Pondok tersebut merupakan sebuah institusi tradisional yang mengajar ilmu agama seperti usuluddin fikah, hadith dan tasawuf (Razali, 2022). Pondok ini juga dikira sebagai salah satu pondok yang paling berpengaruh dan menonjol pada abad ke-20 seperti Pondok Tok Kenali, Pondok Kubang Bemban, Pondok Sungai Durian dan lain-lain pada ketika itu (Zainal Abidin et al., 2022).

Kemudian, beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Rakyat (Melayu) Pasir Mas selama enam tahun sambil menuntut ilmu di pondok bapanya sehingga beliau berumur 20 tahun (Mahmud, 2017). Pada tahun 1953, beliau melanjutkan pelajaran di Mekah selama 14 tahun. Menuntut ilmu agama di Mekah pada waktu itu telah menjadi suatu kebiasaan dan seolah-olah peraturan bagi setiap penuntut ilmu di Nusantara kerana Mekah adalah pusat keilmuan Islam yang tidak boleh disangkal sama sekali (Abdullah, 2005). Misalnya, lihat sahaja ulama Melayu seperti Tok Pulai Chondong (w. 1873M), Tok Kenali (w. 1933M), Tuan Tabal (w. 1894M) (Sidik, 2023), Syekh Uthman Jalaluddin Penanti (w. 1952M) dan ramai lagi yang latar belakangnya menuntut ilmu di Mekah terlebih dahulu sebelum dikenali sebagai seorang alim.

Sehubungan itu, terdapat juga ulama Melayu yang bukan sahaja menuntut ilmu di Mekah, bahkan terus menetap dan mengajar di Mekah pula sepanjang hidup mereka seperti Dāwud bin ‘Abd Allāh al-Faṭānī (w. 1846M) dan Tok Wan ‘Alī Kutan al-Kelantanī (w. 1913M). Diceritakan juga bahawa sepanjang 14 tahun beliau di Mekah, Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah tidak pernah memonteng kelas kecuali jika beliau jatuh sakit. Tambahan pula, selepas kira-kira lima tahun menuntut ilmu, beliau diizinkan oleh guru-gurunya untuk mengajar para penuntut ilmu di sana (Mohamed Ramli, Al-Shiddieque Ahmad, & Mohd. Zin, 2017). Pada tahun 1967, beliau pulang ke kampung halaman untuk membantu bapanya di pondok dan secara perlahan-lahan menggantikan bapanya yang meninggal dunia pada 4 Februari 1989 (Yusuff, 2021) sebagai ‘tok guru’ di pondok itu. Dari tahun 1969 hingga 2008 di bawah pimpinannya, Pondok Lubok Tapah menjadi lebih masyhur bukan sahaja di Kelantan, tapi juga di wilayah dan negara luar seperti Thailand, Indonesia, Singapore, dan Kemboja. Antara kitab-kitab yang diajar oleh beliau di pondok seperti *Maṭla‘ al-Badrayn*, *Wishāh al-Afrāh*, *al-Jawhar al-Mawhūb*, *Faṭḥ al-Wahhāb*, *Tafsīr al-Nasafī*, *al-Jawhar al-Maknūn*, *Mukhtaṣar al-Ma‘ānī* dan lain-lain (Mahmud, 2017).

Pada tahun 1969, beliau menjadi anggota Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sehingga 2008 (Mohamed Ramli, Al-Shiddieque Ahmad, & Mohd. Zin, 2017). Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan kepimpinan kerajaan Kelantan bahkan sangat rapat dengan keluarga Diraja Kelantan. Beliau sering dikunjungi oleh Menteri Besar Kelantan pada waktu itu iaitu Tuan Guru Tan Sri Dato’ Bentara Setia Dato’ Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (w. 2015M), Tan Sri Dato’ Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Sultan Kelantan ke-28 Sultan Ismail Petra dan anakandanya Tengku Muhammad Faris Petra yang kini Sultan Kelantan ke-29 dengan gelaran Sultan Muhammad V. Selain dari itu, Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah juga menjawat jawatan Timbalan Pengerusi Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB) semenjak penubuhannya pada tahun 1995 sehingga akhir hayatnya (Hamdan Abdullah Al-Yarmouki Al-Funduqi, 2016). Antara tokoh-tokoh lain yang pernah mengunjunginya seperti Syeikh al-Sayyid Muḥammad bin al-Sayyid ‘Alawī al-Mālikī, al-Ḥabīb ‘Umar bin Ḥafīz, Syeikh Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makkī, Dato’ Seri Anwar Ibrahim dan Dato’ Prof. Dr. Osman Bakar (Mahmud, 2017).

Pada 9 Februari 2005, beliau dikurniakan anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Kelantan (Ismail, 2020). Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tarikh 19 Mac 2008 bersamaan 11 Rabiulawal 1429 Hijrah pada usia 75 tahun dan jasad beliau disemadikan di tanah perkuburan Kampung Pondok Lubok Tapah. Solat jenazah dan pengebumiannya juga dihadiri oleh Tengku Muhammad Faris Petra, Mufti Kelantan kini iaitu Dato’ Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad (Hamdan Abdullah Al-Yarmouki Al-Funduqi, 2016) dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Mahmud, 2017).



Gambar 2: Makam Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah di Tanah Perkuburan Pondok Lubok Tapah

Tuan Guru Abddullah Lubok Tapah memiliki ramai guru dari kalangan ilmuwan khususnya Tanah Melayu. Guru pertama yang mendidiknya adalah bapanya sendiri iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubok Tapah (w. 1989M), beliau turut menuntut ilmu dengan Syeikh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī (w. 1965M) pengarang *Bākūrah al-Amānī*, Syeikh 'Abd al-Qādir bin 'Abd al-Muṭalib al-Mandilī (w. 1965M) pengarang *Penawar Bagi Hati dan Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*, Syeikh Hasan bin Muḥammad al-Mashāt (w. 1979M) pemilik kitab *Raf' al-Astār*, Syeikh al-Sayyid 'Alawī bin al-Sayyid 'Abbās (w. 1971M), Syeikh Muḥammad Yasīn al-Fādānī (w. 1990M), Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ bin Idrīs al-Kelantanī, Syeikh Muḥammad Dāwud bin Sulaymān al-Kelantanī, Syeikh Muḥammad Mukhtār Amfanan al-Indūnīsī, Syeikh Muḥammad al-'Arabī al-Tabbānī (w. 1970M), Syeikh 'Abd Allāh al-Laḥjī (w. 1989M) (Mohamed Ramli, Al-Shiddieque Ahmad, & Mohd. Zin, 2017), Syeikh al-Sayyid Muḥammad Amīn al-Kutubī (w. 1983M), Syeikh Sulaymān Ambon al-Indūnīsī, Syeikh Zakariyā al-Indūnīsī, Syeikh Engku 'Abd al-Jalīl al-Indūnīsī (Mahmud, 2017) dan ramai lagi.

Beliau juga telah melahirkan ramai murid yang tersohor, malah di antara mereka ada yang menjadi tokoh-tokoh agama termasuk ahli akademik. Murid-murid yang menuntut dengan beliau seperti anaknya sendiri Datuk Prof Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah (Mufti Wilayah Persekutuan ke-8), Tuan Guru Dato' Haji Hasbullah Mohd Hassan (mantan Mufti Kelantan) (w. 2012M), almarhum Ustaz Muhammad Zaidi bin Abdullah (w. 2022M) (Mohamed Ramli, Al-Shiddieque Ahmad, & Mohd. Zin, 2017), Tuan Guru Haji Husin Ibrahim (sepupunya), Ustaz Wan Hassan Mentuan, Baba Asya'ari Tong al-Faṭānī, Baba Abdul Rahman Penarik al-Faṭānī (Hamdan Abdullah Al-Yarmouki Al-Funduqi, 2016) menantunya Dr. Hilaluddin bin Abdullah al-Qari (Mhd Deris, & Osman, 2021), dan lain-lainnya termasuk juga murid-murid beliau yang telah membuka pusat pengajian pondok sendiri di Pahang, Kelantan, Kedah dan Kemboja.

PENGENALAN KITAB *RISALAH PERSEDIAAN BAGI SEKALIAN MUKALLAF*

Dari segi kitab penulisan, Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah hanya mengarang dua kitab iaitu *Risalah Doa-Doa* pada tahun 1965 ketika masih berada di Mekah dan *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf* selepas beliau pulang ke Kelantan (Pusat Pembangunan Pondok Berhad, 2009).

Kitab *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf* ini aslinya dikarang oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubok Tapah. Ia merupakan sebuah kitab membicarakan asas ilmu tauhid, kemudian perbahasan mengenai *ḥaqīqah mustahīl* iaitu persoalan adakah *mustahīl* itu *qadīm* (tiada mula) atau *ḥādīth* (baru yakni ada mula), yang berlaku pertikaian di antara penuntut-penuntut ilmu dari Tanah Melayu di Mekah sewaktu beliau masih di sana. Perbahasan kitab ini diakhiri dengan doa-doa amalan yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seseorang (Abdul Rahman, t.th). Ia diterbitkan pertama kali oleh syarikat Diyan Dar al-Naim Sdn. Bhd., sebanyak 60 halaman bercetak tanpa dinyatakan tahun terbitan. Kali kedua -sehingga kini- diterbitkan pula oleh pondok beliau sendiri iaitu Pondok Lubok Tapah juga sebanyak 60 halaman.

Kitab ini selesai dikarang pada tahun 1969 selepas kepulangannya ke Kelantan daripada menuntut ilmu di Mekah. Tuan Guru Abdullah menyebutkan ia disiapkan pada pagi hari Ahad, 4 Syawal 1389 Hijrah, bersamaan 14 Disember 1969 Masihi. Beliau menyebutnya pada halaman akhir kitab tersebut seperti berikut:

“Telah selesai hamba daripada menulis risalah ini pada pagi Ahad 4 haribulan Syawal tahun 1389H-1969M” (Abdul Rahman, t.th).

Punca utama beliau mengarang kitab ini adalah kerana beliau mendapati segelintir masyarakat yang jahil akan pelajaran ilmu tauhid pada zamannya walhal ia penting dan wajib dipelajari oleh setiap mukalaf seperti yang dijelaskan para ulama dalam kitab-kitab mereka. Malahan, beliau turut menjadikan kitabnya ini sebagai sebuah kitab asas dan mudah untuk dipelajari oleh setiap orang yang baru belajar agama. Berikut apa yang beliau ucapkan:

“... tatkala melihat hamba akan setengah daripada saudara-saudara hamba yang mukalaf yang hampir hapus sama sekali didalam jiwa mereka akan pelajaran tauhid padahal wajib atas tiap-tiap mukalaf laki-laki perempuan belajar ilmu tauhid ini sekiranya tidak tertanam di dalam jiwa mukalaf akan pelajaran tauhid ini nescaya tidak ada ugama baginya, *na ‘ūdhu billāhi min dhālika*. Maka inilah sebab bagi bergerak fikiran hamba pada menuliskan satu risalah yang mengandungi padanya pelajaran tauhid dengan secara mudah saja, cadangan bagi saudara-saudara yang baru belajar” (Abdul Rahman, t.th).

Kandungan *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*

Kandungan dan susunan di dalam kitab ini telah dirumuskan oleh pengarang sendiri seperti yang dinyatakan di dalam mukadimah kitab. Kitab ini mengandungi pelajaran tauhid bagi mukalaf yang baru belajar, penjelasan *ḥaqīqah mustahīl* yang menjadi perdebatan dan

pertikaian pada ketika itu, dan ditutup dengan rahsia-rahsia daripada doa-doa yang boleh diamalkan setiap orang. Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah menyebutkannya seperti berikut:

“Mengandungi padanya pelajaran tauhid dan ulasan *ḥaqīqah mustahīl* dan ringkasan beberapa patah daripada rahsia doa-doa yang sayugia bagi kita mengetahui serta beramal dengan dia, lebih-lebih lagi pada masa sekarang. Maka patutlah bagi kita menyimpan risalah yang berguna ini sampai mendapat selamat bagi kita dunia dan akhirat” (Abdul Rahman, t.th).

Daripada kenyataan beliau ini, kitab ini dapat dirumuskan kepada tiga bahagian yang utama iaitu

1. Ilmu tauhid,
2. perbahasan berkaitan *ḥaqīqah mustahīl*, dan
3. doa-doa harian dan amalan bermanfaat.

Seterusnya, kitab ini dimulai dengan *basmalah* dan pendahuluan yang meringkaskan kepada pembaca berkaitan isi kandungan kitab. Disusuli dengan penerangan berkaitan hukum akal serta definisi dan syarat mukalaf. Kemudian, ia terus membahas 20 Sifat wajib bagi Allah SWT satu per satu yang disusuli oleh rumusan bagi 20 Sifat itu dan juga sifat-sifat wajib bagi para rasul AS. Setelah itu, ia menerangkan enam rukun iman, lima rukun Islam dan ihsan, tertib makhluk yang paling mulia di sisi Allah SWT, penjelasan ringkas tentang;

1. Beriman kepada malaikat,
2. Beriman kepada kitab,
3. Sirah ringkas nabi Muhammad SAW,
4. Beriman kepada hari akhirat,
5. Sirah ringkas *al-khulafā' al-Rāshidūn*,
6. Rukun taubat,
7. Perbahasan *ḥaqīqah mustahīl*,
8. Kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau dan
9. Membahaskan doa-doa bermanfaat yang patut diamalkan sekitar lapan halaman.

Kitab *Persediaan* ini seperti yang telah dinyatakan, boleh dikatakan membawa manhaj dan metodologi yang sama dengan barisan ulama *Ashā'irah* khususnya yang dirumuskan al-Sanūsī (w. 895H) dalam *Umm al-Barāhīn*. Ia mengikut leluhur kitab dan manuskrip akidah atau Jawi terdahulu yang terkesan dengan metod tersebut dalam soal pembahagian Sifat 20 kepada empat kategori. Antara contoh kitab yang berdiri di atas metodologi yang sama seperti *Targhīb al-Ṣibyān fī Hifẓ 'Aqā'id al-Īmān* karya Tok Engku Tuan Besar (w. 1878M), *Zahrah al-Murīd fī 'Aqā'id al-Tawḥīd* karya Tok Wan 'Alī kutan al-Kelantanī (w. 1913M), *Bākūrah al-Amānī* karya Syeikh Wān Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī (w. 1965M) dan banyak lagi lainnya. Ini bukti kukuh yang menunjukkan bahawa tradisi *Ashā'irah* sememangnya bertapak kuat di Nusantara selama berabad-abad dan kitab *Persediaan* yang dikaji ini juga tidak terkecuali

daripada tradisi ini. Ini bukti jelas yang Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah juga merupakan salah seorang pemelihara tradisi *Ashā'irah* di Nusantara ini.

Sumber Rujukan Kitab *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf*

Sebelum ditelusuri kitab-kitab dan ulama yang menjadi sumber rujukan pengarang, relevan juga untuk mengetahui penggunaan ayat al-Quran dan Ḥadīth di dalam kitab karangannya ini, didapati bahawa taburan ayat al-Quran yang dipetik oleh pengarang sebanyak lima sahaja dan hanya satu ḥadīth sahaja dipetik, dan pengarang juga menggunakan syair Arab seperti dalam jadual 1.

Bil.	Bab	al-Quran	Ḥadīth	Syair	Jumlah
1.	Sifat <i>Kalām</i>	4	0	3	7
2.	Perkara yang tidak binasa walau ditiup sangkakala	1	0	0	1
3.	<i>Ḥaqīqah mustahīl</i>	0	1	0	1
Jumlah					9

Jadual 1: Bilangan ayat al-Quran, Ḥadīth dan syair Arab dalam kitab *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*

Daripada rajah di atas, taburan ayat al-Quran, Ḥadīth dan syair keseluruhannya berjumlah sembilan sahaja. Ia bersesuaian dengan kitab ini kerana ia hanyalah risalah persediaan yakni risalah asas sahaja, bukannya kitab yang memperincikan dalil atau hujah dalam mengisbatkan sesuatu perkara. Walaupun begitu, ia bukanlah suatu perkara yang asing bagi kitab-kitab asas tentang Sifat 20 seperti yang telah disebut sebelum ini. Contohnya, *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī (w. 895H), *Risālah al-Tawḥīd* oleh al-Bājūrī (w. 1276H), dan *'Aqīdah al-'Awām* oleh al-Marzūqī (w. 1262H) tidak menggunakan dalil naqli juga. Contoh lain dari kalangan ulama Melayu ialah *Miftāḥ al-Murīd fī 'Ilm al-Tawḥīd* oleh Tuan Minal (w. 1913M) dan *Targhīb al-Ṣibyān fī Ḥifẓ 'Aqā'id al-Īmān* oleh Tok Engku Tuan Besar (w. 1878M).

Selain daripada taburan ayat al-Qur'ān, Ḥadīth dan syair, Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah juga menjadikan kitab-kitab ulama terkemuka sebagai rujukan di dalam menghasilkan karyanya ini. Ini dapat dilihat dari jadual 2 dibawah manakala senarai nama-nama ulama yang disebutkan beliau turut disenaraikan dalam jadual 3.

Bil.	Nama Pengarang	Bil.	Judul Kitab
1.	Imām Abū Ḥanīfah (w. 150H)	1	<i>al-Fiqh al-Akbar</i>
2.	al-Qāḍī al-Bāqillānī (w. 403H)	2	<i>al-Inṣāf fīmā Yajibu I'tiqāduhu walā Yajūzu al-Jahl bihi</i>
3.	Imām al-Bayhaqī (w. 458H)	3	<i>al-Asmā' wa al-Ṣifāt</i>
4.	'Umar bin Muḥammad al-Nasafī (w. 537H)	4	<i>al-'Aqā'id al-Nasafiyah</i>

5.	‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Izz al-Ḥanafī (w. 792H)	5	<i>Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyah</i>
6.	Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī (w. 793H)	6	<i>Sharḥ al-Maqāṣid</i>
7.	Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (w. 895H)	7 8	<i>Umm al-Barāhīn</i> <i>Sharḥ al-‘Aqīdah al-Kubrā</i>
8.	Ibn Abī Sharīf al-Maqdisī (w. 906H)	9	<i>al-Musāmarah Sharḥ al-Musāyarah fī al-‘Aqā’id al-Munjiyah fī al-Ākhirah</i>
9.	Ramaḍān Afandī (w. 979H)	10	<i>Sharḥ Ramaḍān Afandī ‘alā Sharḥ al-Sa‘d ‘alā al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah</i>
10.	Mullā ‘Alī al-Qārī (w. 1014H)	11	<i>Sharḥ al-Fiqh al-Akbar</i>
11.	Ibn Ya‘qūb al-Maghribī (w. 1128H)	12	<i>Mawāhib al-Fattāḥ fī Sharḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ</i>
12.	‘Abd Allāh bin Ḥijāzī al-Sharqāwī (w. 1227H)	13	<i>Hāshiyah al-Sharqāwī ‘alā Sharḥ al-Hudhudī ‘alā al-‘Aqīdah al-Sanūsiyyah</i>
13.	Ibrāhīm al-Bayjūrī (w. 1276H)	14	<i>Hāshiyah al-Bayjūrī ‘alā Jawharah al-Tawḥīd</i>
14.	‘Abd al-Raḥman bin Ḥasan bin Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb (w. 1285H)	15	<i>Fath al-Majīd Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd</i>
15.	Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sumbāwī	16	<i>Sirāj al-Hudā fī Bayān ‘Aqīdah Ahl al-Taqwā</i>
16.	Sekumpulan ulama yang tidak dinamakan	17	<i>Majmū‘ah al-Hawāshī al-Bahiyyah ‘alā Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah</i>

Jadual 2: Rujukan bagi *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*

Bil.	Nama Pengarang
1.	‘Abd Allāh bin ‘Abbās (w. 68H)
2.	Imām Abū Ḥanīfah (w. 150H)
3.	Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (w. 324H)
4.	Abū Manṣūr al-Māturīdī (w. 333H)
5.	al-Qāḍī al-Bāqillānī (w. 403H)
6.	Abū Ishāq al-Isfarāyīnī (w. 418H)
7.	Imām al-Bayhaqī (w. 458H)
8.	Imām al-Ḥaramayn (w. 478H)
9.	Imām al-Ghazālī (w. 505H)
10.	‘Umar bin Muḥammad al-Nasafī (w. 537H)
11.	Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606H)
12.	‘Alī bin ‘Alī bin Muḥammad bin Abī al-‘Izz al-Ḥanafī (w. 792H)
13.	Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī (w. 793H)
14.	Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (w. 895H)
15.	Ibn Abī Sharīf al-Maqdisī (w. 906H)
16.	Ramaḍān Afandī (w. 979H)

17. Mullā ‘Alī al-Qārī (w. 1014H)
 18. Ibn Ya‘qūb al-Maghribī (w. 1128H)
 19. ‘Abd Allāh bin Hījāzī al-Sharqāwī (w. 1227H)
 20. Ibrāhīm al-Bayjūrī (w. 1276H)
 21. ‘Abd al-Raḥman bin Ḥasan bin Muḥammad bin ‘Abd al-Wahhāb (w. 1285H)
 22. Shaykh Wān Ismā‘īl bin ‘Abdul Qādir al-Faṭānī (w. 1385H)
 23. Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sumbāwī (tarikh wafat tidak diketahui)
 24. Sekumpulan ulama yang tidak dinamakan
-

Jadual 3: Nama ulama yang menjadi rujukan dalam *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*

PENJELASAN 13 SIFAT WAJIB BAGI ALLAH SWT MENURUT TUAN GURU ABDULLAH LUBOK TAPAH

Sifat *Nafsiyyah*

Sifat *Nafsiyyah* adalah sifat yang menunjukkan diri zat itu sendiri iaitu sifat *Wujūd*. Ia diterjemahkan oleh pengarang sebagai ‘ada Allah Taala’ (Abdul Rahman, t.th.) atau Allah SWT itu wujud. Inilah sifat yang dibangsa kepada zat menurut pengarang, iaitu sifat yang serupa dengan zat dan kedua-duanya tidak boleh ada tanpa yang lainnya dengan maksud Allah SWT wujud atau ‘ada’ dengan sifat *Wujūd*. Jika ada Zat adalah juga sifat *Wujūd* dan jika ada sifat *Wujūd* adalah juga Zat. Pengarang menyebutkannya sebagai “Sifat yang dibangsa kepada Zat atau sifat yang serupa Zat” (Abdul Rahman, t.th.).

Dalil Allah SWT mempunyai sifat ini ialah - baru sekalian makhluk ini (Abdul Rahman, t.th.). Perkataan ‘baru’ -ataupun ‘baharu’ dalam sebahagian kitab Jawi yang lain- di sini terjemahan bagi perkataan Arab; *hudūth* yang merujuk kepada kejadian alam atau sekalian makhluk ini yang bersifat dengan *ḥādith* iaitu alam ini dari tidak ada atau tidak wujud kepada ada atau wujud, secara mudah ‘baru sekalian makhluk ini’ boleh difahami sebagai kewujudan alam ini. Inilah dalil *ijmālī* bagi Sifat 20 dan khususnya juga ini dalil bagi sifat *Wujūd* kerana jika Allah SWT tidak mempunyai sifat ini, lantas Allah SWT tidak wujud, maka tidak akan wujud juga suatu apa pun daripada alam ini kerana Allah SWT ialah pencipta bagi alam ini. Jelas sekali ini mustahil kerana ‘baru sekalian makhluk ini’ atau dengan erti kata lain kerana kewujudan alam ini iaitu alam ini sememangnya sudah wujud sekarang ini. Dapat difahami disini bahawa jika mustahil Allah SWT bersifat dengan tiada atau tidak wujud, mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu *Wujūd*.

Sifat *Salbiyyah*

Sifat *Salbiyyah* bererti sifat penafian. Ia membawa maksud sifat yang menafikan segala sifat lawan bagi lima sifat wajib tersebut dan sifat kekurangan yang lain, malah dengan disabitkan sifat ini kepada Allah SWT maka ternafilah segala sifat-sifat kekurangan lain yang tidak layak bagi-Nya (Aḥmad al-Māriḡhnī, 2012). Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah mentakrifkan Sifat *Salbiyyah* ini sebagai;

“yakni bangsa tidak kerana adalah tiap-tiap satu daripada lima sifat itu diri takdak benda mustahil, itulah makna bagi sifat yang lima ini” (Abdul Rahman, t.th.).

Maksudnya ialah, ‘bangsa tidak’ merujuk kepada tidak bersifat Allah SWT dengan sifat-sifat kekurangan (*naqā’is*) seperti *ḥādith* (baru), fana (binasa) dan sebagainya yang ternafi kerana Allah SWT bersifat dengan sifat-sifat *Salbiyyah* yang wajib. Contohnya, makna bagi *Qidam* ialah tidak baru atau tidak ada permulaan bagi kewujudan Allah SWT, makna bagi *Baqā’* ialah tidak binasa atau tidak ada pengakhiran bagi kewujudan Allah SWT, maka “diri tidak” - atau “diri takdak” seperti dalam *Persediaan*- inilah yang dimaksudkan dengan Sifat *Salbiyyah*. Ia terdiri dari lima sifat iaitu *Qidam*, *Baqā’*, *Mukhālafatuhu li al-ḥawādith*, *Qiyāmuhu ta’ālā binafsihi*, dan *Wahdāniyyah*.

Qidam terjemahannya “sedia ada Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) atau kewujudan Allah SWT tiada permulaan. Tidak boleh dikatakan sebaliknya kerana implikasinya akan bermaksud ada suatu keadaan Allah SWT itu tidak wujud. Dalil bagi sifat ini ialah; “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) atau kewujudan alam ini kerana jika Allah SWT tidak bersifat dengan sedia ada (*qadīm*), maka Allah SWT bersifat baru iaitu ada permulaan. Sesuatu yang baru itu berhajat kepada yang menciptakannya dan ini mustahil bagi Allah SWT kerana akan membawa kepada *dawr* (lingkaran) atau *tasalsul* (rantai yang tidak berkesudahan).

Perkara ini mustahil kerana jika tiada pengakhiran bagi rantai penciptaan maka tidak akan ada suatu apa pun yang wujud. Contohnya, A dicipta oleh B, B pula dicipta oleh C dan jika tiada pengakhiran atau tidak diketahui pengakhiran bagi rantai ini maka bilakah kewujudan itu akan bermula? Dan jika kewujudan makhluk itu tidak bermula kerana tiada pencipta yang bersifat dengan sedia yang menjadi pengakhiran bagi rantai ini, natijahnya alam ini tidak akan wujud. Maka “baru sekalian alam ini” atau kewujudan alam ini membuktikan kemustahilan *dawr* dan *tasalsul* beserta kemustahilan Allah SWT bersifat dengan tidak wujud. Lantas, mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat *Qidam*.

Baqā’, sifat ini diterjemahkan sebagai “kekal ada Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) atau kewujudan Allah SWT tiada pengakhiran dan tidak akan binasa seperti makhluk. *Dalīl* bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jika Allah SWT boleh menerima binasa, maka Allah SWT dikira sebagai makhluk dan baru atau dicipta. Akhirnya, ini akan membawa kepada *dawr* atau *tasalsul* juga seperti yang telah dibincangkan pada sifat *Qidam*, dan ini mustahil sama sekali kerana telah disabitkan bahawa Allah SWT itu bersifat dengan sedia ada (*Qadīm*).

Mukhālafatuhu li al-ḥawādith terjemahannya “tidak serupa Allah Taala” bagi segala yang baru baik pada Zat Allah dan Sifat-Nya dan Perbuatan-Nya tidak serupa belaka” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu tidak ada yang seperti Allah SWT sama sekali. Contohnya, Zat Allah SWT itu tidak memenuhi ruang, tidak terdiri daripada anggota, pepejal, cecair dan sebagainya sedangkan zat makhluk seperti manusia dan haiwan memenuhi ruang, terdiri daripada pepejal dan cecair. Dalil bagi sifat ini ialah “jikalau serupa Allah Taala bagi segala yang baru ini, nescaya Allah Taala baru juga” (Abdul Rahman, t.th.) dan serupa Allah SWT dengan makhluk

ini mustahil kerana telah disabitkan bahawa Allah SWT bersifat dengan sedia ada (*Qadīm*) dan kekal (*Bāqī*).

Walaupun ayat bagi dalil tidak seperti yang sebelumnya, namun mafhumnya serupa sahaja seperti yang telah dijelaskan pada dua sifat sebelum ini, kerana jika Allah SWT itu serupa dengan makhluk, maka Allah SWT juga dicipta atau baru seperti makhluk. Maka tidak wujudlah alam ini kerana Allah SWT baru dan akhirnya akan terjadi seperti dua sifat sebelum ini. Bezanya, penjelasan bagi sifat ini fokus kepada aspek yang lebih mendalam iaitu Allah SWT bukanlah *‘araḍ* dan *jirm* (Abdul Rahman, t.th.). Boleh dilihat juga bahawa dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” pada bahagian rumusan perbahasan Sifat 20 (Abdul Rahman, t.th.) yang menunjukkan bahawa dalil “baru sekalian makhluk ini” diguna pakai juga untuk sifat ini.

Qiyāmuḥu ta‘ālā binafsihi, sifat ini diterjemahkan sebagai “ada Allah Taala dengan sendiri-sendiri” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu kewujudan Allah SWT tidak berhajat kepada Zat untuk menempatkan Zat-Nya pada Zat itu dan Allah SWT tidak berhajat kepada pencipta. Dalil bagi sifat ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana yang perlu kepada zat itu ialah sifat dan Allah SWT bukanlah sifat kerana Zat Allah SWT itu memang sudah wujud. Tambahan lagi, Allah SWT berhajat kepada pencipta itu juga mustahil kerana hanya perkara yang baru sahaja mempunyai pencipta sedangkan Allah SWT itu bersifat dengan sedia ada dan kekal seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Waḥdāniyyah, sifat ini diterjemahkan sebagai “sa Allah Taala pada Zat-Nya dan pada Sifat-Nya dan pada Perbuatan-Nya” (Abdul Rahman, t.th.) atau Allah SWT itu esa, boleh juga disebut ‘se’ atau ‘so’ dan maksudnya adalah satu atau esa. Ini terbahagi pula kepada tiga definisi yang lebih terperinci iaitu ‘sa pada Zat’, ‘sa pada Sifat’, ‘sa pada Perbuatan’. Yang pertama bermaksud Zat Allah SWT tidak tersusun dan tidak boleh dibelah bahagi kerana Allah SWT tidak menyerupai makhluk sama sekali seperti yang telah dijelaskan dalam Sifat *Mukhālafatuhu li al-ḥawādith*. Yang kedua bermaksud sifat Allah SWT hanya satu seperti satu *Qudrah*, satu *Irādah* dan tiada sifat makhluk itu seperti sifat Allah SWT. Yang ketiga bermaksud tidak ada yang boleh memberi kesan kecuali Allah SWT. Contohnya, api membakar hanya dengan izin Allah SWT jua.

Dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jikalau Allah SWT itu berbilang maka ia akan membawa kepada dua situasi iaitu *tawārud* dan *tamānu’*. *Tawārud* ialah situasi dua tuhan bersepakat untuk menjadikan atau tidak menjadikan makhluk. Jika dua tuhan menciptakan atau tidak menjadikan satu makhluk pada masa yang sama, maka ini mustahil kerana tidak mungkin adanya dua pemberi kesan bagi suatu kesan (Joll, 2018).

Tamānu’ pula ialah situasi dua tuhan berselisih untuk menjadikan atau tidak menjadikan makhluk. Jika dua tuhan berselisih, sebagai contoh tuhan pertama ingin menurunkan hujan dan tuhan kedua menginginkan yang sebaliknya, maka berhimpun dua perkara yang bertentangan ini mustahil sama sekali. Tambahan juga, jika berlaku apa yang dikehendaki oleh salah satu tuhan, maka tuhan yang kehendaknya tidak berlaku itu bersifat lemah, lantas tuhan yang lagi satu itu juga lemah kerana keduanya berkongsi sifat yang sama dan tuhan bersifat dengan kelemahan ini sememangnya mustahil (Joll, 2018). Natijahnya, jikalau Allah SWT itu berbilang, maka tidak akan wujud alam ini kerana kemustahilan situasi *tawārud* dan *tamānu’*.

dan ini mustahil dengan *mushāhadah* iaitu kita telah lihat dengan mata kepala kita sendiri bahawa alam ini wujud.

Sifat *Ma'ānī*

Sifat *Ma'ānī* ialah sifat yang bangsa (atau jenis) ada (*wujūdī*) pada Zat Allah SWT di mana sekiranya Allah SWT membuka hijab hamba-Nya untuk melihat diri Sifat *Ma'ānī* itu, nescaya dapat dilihat diri Sifat *Ma'ānī* itu lain daripada Zat Allah SWT. Inilah apa yang dihuraikan pengarang dengan;

“Sifat yang ada pada Zat Allah Taala sekiranya kalau Allah Taala beri lihat kepada kita akan diri Sifat *Ma'ānī* itu nescaya boleh kita nampak diri Sifat *Ma'ānī* itu lain daripada Zat Allah Ta'ālā kerana benda bangsa ada” (Abdul Rahman, t.th.).

Berbeza dengan sifat-sifat Allah SWT yang lain yang tidak *wujūdī* iaitu tidak ada pada luar akal kita. Ia terdiri dari tujuh sifat iaitu *Qudrah*, *Irādah*, *‘Ilm*, *Ḥayāh*, *Sam‘*, *Baṣar* dan *Kalām*. *Qudrah* diterjemah sebagai “Pekuasa Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu Allah SWT berkuasa untuk mengadakan perkara *mumkin* iaitu mengeluarkannya dari tidak wujud kepada wujud seperti kelahiran bayi, dan meniadakan perkara *mumkin* iaitu mengeluarkannya dari wujud menjadi tidak wujud seperti mematikan makhluk. Dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jika Allah SWT lemah untuk menjadikan sesuatu, maka tidak akan wujud alam ini kerana Allah SWT sahaja ialah satu-satunya pencipta (*al-Khāliq*) dan tidak ada pencipta selain Allah SWT, maka tidak wujud alam ini mustahil dengan *mushāhadah*. Justeru, kewujudan alam ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan lemah dan jika Allah SWT tidak lemah, mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pekuasa (*Qudrah*).

Irādah diterjemah sebagai “Pekehendak Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu Allah SWT berkehendak ke atas perkara *mumkin* mengikut *‘Ilm* Allah SWT iaitu menentukan sesuatu terhadap makhluk ciptaannya. Sebagai contoh, Allah SWT boleh menghendaki sesuatu itu untuk menjadi besar atau kecil. Allah SWT boleh juga menghendaki sesuatu itu berwarna putih atau berwarna lain dan sebagainya. Dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jika Allah SWT tidak bersifat dengan Pekehendak, bahkan bersifat *karāhah* atau lalai atau terlupa untuk menentukan keadaan dan penciptaan makhluk, maka tidak akan wujud alam ini kerana Allah SWT tidak berkehendak untuk menentukan ketentuan atau *‘araḍ* bagi makhluk-Nya dan makhluk itu mustahil untuk wujud tanpa *‘araḍ*. Jelas sekali perkara ini mustahil dengan *mushāhadah*. Justeru, kewujudan alam ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan *karāhah* atau lalai atau terlupa dan jika Allah SWT tidak bersifat dengan sifat-sifat ini, mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pekehendak (*Irādah*).

‘Ilm diterjemah sebagai “pengetahuan Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu Allah SWT mengetahui semua perkara wajib, mustahil dan harus, atau dengan erti kata lain, Pengetahuan Allah SWT itu meliputi segalanya dan tidak ada Pengetahuan Allah yang mula-

mulanya tidak diketahui kemudian diketahui dan tidak ada yang tersembunyi daripada Pengetahuan Allah SWT walaupun sekecil-kecil dan sehalus-halus perkara seperti sel-sel di dalam badan manusia mahupun bilangan air hujan yang turun. Dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jika Allah SWT jahil, maka tidak akan wujud alam ini kerana Allah SWT tidak berpengetahuan untuk menjadikan pelbagai jenis makhluk yang kompleks, dan ini mustahil dengan *mushāhadah*. Justeru, kewujudan alam ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan jahil dan jika Allah SWT tidak jahil mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pengetahuan (*‘Ilm*).

Hayāh diterjemah sebagai “Pehidup Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu Allah SWT hidup, namun hidup Allah SWT bukanlah seperti manusia atau haiwan yang hidup dengan roh, tulang, daging, darah dan sebagainya. Dalil bagi sifat ini ialah “baru sekalian makhluk ini” (Abdul Rahman, t.th.) kerana jika Allah SWT itu mati, maka tidak akan wujud alam ini kerana sifat *Hayāh* itu membenarkan atau mengesahkan Sifat *Ma‘ānī* yang lain iaitu tidak mungkin Allah SWT bersifat dengan Penguasa (*Qudrah*), Pekehendak (*Irādah*) dan selebihnya jika Allah SWT mati. Justeru, perkara ini menafikan pengisbatan sifat Penguasa dan Sifat *Ma‘ānī* yang lain, sedangkan telah dibuktikan bahawa Allah SWT bersifat dengan Penguasa dan yang selebihnya. Oleh yang demikian, jika Allah SWT mati, maka Allah SWT tidak bersifat dengan Sifat *Ma‘ānī* dan natijahnya Allah SWT tidak mampu untuk menjadikan alam ini dan perkara ini mustahil dengan *mushāhadah*. Justeru, kewujudan alam ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan mati dan jika Allah SWT tidak mati mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pehidup (*Hayāh*).

Sam‘ diterjemah sebagai “Pendengar Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) atau Allah SWT mendengar segala yang wujud sama ada ia bersuara atau tidak, jauh atau dekat. Namun, mendengar Allah SWT itu dengan Sifat *Sam‘* dan bukanlah seperti makhluk yang mendengar dengan telinga. Dalil bagi sifat ini ialah “jikalau tiada bersifat dengan Pendengar nescaya tuli maka tuli itu sifat kekurangan padahal kekurangan Allah Taala itu akal kita tidak terima sekali-kali” (Abdul Rahman, t.th.). Iaitu, mustahil pada akal bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat kelemahan atau kekurangan seperti pekak atau tuli. Maka, jika Allah SWT tidak bersifat dengan pekak dan tuli, lazimlah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pendengar (*Sam‘*).

Baṣar diterjemah sebagai “Pelihat Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) atau Allah SWT melihat segala yang wujud sama ada ia besar seperti gunung atau kecil seperti semut, Allah SWT juga melihat segala yang wujud sama ada ia jauh atau dekat dan melihat Allah SWT ini dengan Sifat *Baṣar* dan bukanlah seperti makhluk yang melihat dengan mata. Dalil bagi sifat ini ialah “jikalau tiada Allah Taala bersifat dengan Pelihat nescaya buta padahal buta itu sifat kekurangan maka kekurangan Allah Taala itu akal kita tidak terima sekali-kali” (Abdul Rahman, t.th.). Iaitu, mustahil pada akal bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat kelemahan atau kekurangan seperti buta. Maka, jika Allah SWT tidak bersifat dengan buta, lazimlah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pelihat (*Baṣar*).

Kalām diterjemah sebagai “Pekata atau Penutur Allah Taala” (Abdul Rahman, t.th.) iaitu Allah SWT boleh berkata-kata sama ada perkara wajib, mustahil dan harus. Sifat *Kalām* Allah SWT ini tidak berhuruf, berbunyi atau bersuara. Allah SWT berkata-kata dengan Sifat *Kalām* dan bukan seperti makhluk yang perlu kepada bibir dan lidah. *Dalīl* bagi sifat ini ialah “jikalau

Allah Taala tidak bersifat *Kalām* nescaya bisu dan bisu itu kekurangan padahal kekurangan Allah Taala itu akal tidak terima sekali-kali” (Abdul Rahman, t.th.). Iaitu, mustahil pada akal bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat kelemahan atau kekurangan seperti bisu. Maka, jika Allah SWT tidak bersifat dengan bisu, lazimlah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat Pekata (*Kalām*).

Relevan juga untuk disebut bahawa dalil bagi tiga sifat terakhir tersebut ialah “makhluk ini” pada bahagian rumusan bagi perbahasan Sifat 20 selepas pengarang selesai membahaskan kesemua Sifat 20 (Abdul Rahman, t.th.) kerana walaupun dapat dilihat dalil bagi tiga sifat terakhir ini lain dari sifat-sifat lain, bahagian rumusan meletakkan dalil yang sama ini bagi kesemua 20 Sifat untuk memudahkan orang awam dalam mengingat dalil bagi 20 Sifat kerana “baru sekalian makhluk ini” ialah dalil *Ijmālī* dan boleh diguna pakai bagi kesemua 20 Sifat.

PENGAPLIKASIAN ILMU *MANṬIḤ* IAITU *QIYĀS* DALAM PEMBUKTIAN SIFAT

Dalil ‘aqli bagi pengisbatan sifat wajib bagi Allah SWT di dalam *Persediaan* mengaplikasikan ilmu *manṭiq* iaitu *qiyās*, khususnya *qiyās istithnā’ī*. *Qiyās* boleh ditakrifkan sebagai suatu kenyataan yang terdiri daripada dua premis atau lebih yang mengeluarkan suatu natijah (Al-Damāhūrī, 2008). Manakala, *qiyās istithnā’ī* pula ialah *qiyās* yang disebut natijahnya atau lawannya (*naqīḍuhu*) secara aktual (*bi al-fi’l*) (al-Fādānī, 2024). Contohnya berkaitan dalil bagi sifat *Qidam*:

“Maka dalil sedia Allah Taala itu baru sekalian makhluk ini kerana jikalau Allah Taala baru nescaya berkehendak Allah Taala kepada orang yang menjadikan dia dan orang yang menjadikan dia itu mesti berkehendak kepada orang lain pula maka membawa kepada *dawr* atau *tasalsul* yang tidak diterima oleh akal kedua-duanya” (Abdul Rahman, t.th.)

Maka, petikan ini boleh disusun mengikut *qiyās istithnā’ī mutṭaṣil* kerana dua premis. Pertamanya yang dipanggil *muqaddam* dan *tālī* disertai oleh kata syarat dan premis seterusnya pula disertai oleh kalimah pengecualian (al-Fādānī, 2024). Oleh itu, dapat dikeluarkan dari petikan tersebut penggunaan *qiyās istithnā’ī mutṭaṣil* dengan kefahaman seperti berikut: “jikalau Allah SWT baru nescaya berkehendak Allah SWT kepada orang yang menjadikan-Nya, tetapi mustahil Allah SWT berkehendak kepada yang menjadikan-Nya (kerana kemustahilan *dawr* atau *tasalsul* seperti yang telah disebut sebelum ini), maka Allah SWT tidak baru”. *Muqaddam* ialah “Jikalau Allah SWT baru”, *tālī* ialah “nescaya berkehendak Allah SWT kepada orang yang menjadikan-Nya” dan premis ini disertai oleh kata syarat iaitu “jikalau” manakala premis yang seterusnya pula ialah “mustahil Allah SWT berkehendak kepada yang menjadikan-Nya” yang disertai oleh kalimah pengecualian iaitu ‘tetapi’.

Oleh yang demikian, jika Allah SWT tidak perlu kepada pencipta, maka Allah SWT *qadīm* kerana hanya perkara *qadīm* sahaja yang tiada pencipta. Hal ini kerana, jika Zat *qadīm* itu lebih daripada satu, seperti Allah SWT ada dua, maka akan berlaku *tawārud* dan *tamānu’* seperti yang telah disebut sebelum ini dan perkara ini mustahil. Apabila yang *qadīm* itu Allah

SWT sahaja, justeru ini bermaksud segala perkara selain Allah SWT itu baru atau *ḥādith*. Natijahnya, segala perkara selain Allah SWT atau alam ini ialah baru.

Maka sabitlah Allah SWT bersifat dengan *Qidam*. Hal ini kerana segala perkara yang baru itu perlu kepada perkara lain yang menjadikannya dan perkara ini juga perlu kepada perkara lain yang menjadikannya dan akhirnya akan membawa kepada *dawr* atau *tasalsul* sedangkan perkara ini mustahil. Justeru, Jika Allah tidak baru, mestilah Allah SWT bersifat dengan lawannya iaitu sifat *Qidam* seperti dalam *Hāshiyah al-Sharqāwī ‘alā Sharḥ al-Hudhudī ‘alā al-‘Aqīdah al-Sanūsiyyah* (Al-Sharqāwī, 2022). Penggunaan *qiyās* ini juga boleh didapati pada penerangan dalil sifat lain seperti *Qiyāmuhu ta‘ālā binafsihi*:

“Dalīl bagi ada Allah Taala dengan sendiri itu baru sekalian makhluk ini kerana jikalau berkehendak Allah Taala kepada Zat nescaya Allah Taala itu sifat padahal Allah Taala itu sifat sahaja tidak Zat akal tidak terima kerana sifat tidak boleh berdiri dengan sendiri hanya menumpang kepada Zat.” (Abdul Rahman, t.th.)

Dalil bagi sifat *Qiyāmuhu ta‘ālā binafsihi* ini juga sama seperti sifat *Qidam* yang menggunakan *qiyās istithnā‘ī mutṭaṣil*. Justeru, dapat dikeluarkan juga dari petikan tersebut penggunaan *qiyās istithnā‘ī mutṭaṣil* dengan kefahaman seperti berikut: “jikalau Allah SWT berkehendak kepada Zat, nescaya Allah SWT itu sifat, tetapi mustahil Allah SWT itu sifat yang berkehendak pada Zat (kerana yang berkehendak kepada Zat itu ialah sifat), maka Allah SWT tidak berkehendak kepada Zat”. *Muqaddam* ialah “Jikalau Allah SWT berkehendak kepada Zat”, *tālī* ialah “nescaya Allah SWT itu sifat” dan premis ini disertai oleh kata syarat iaitu “jikalau” manakala premis yang seterusnya pula ialah “mustahil Allah SWT itu sifat yang berkehendak pada Zat” yang disertai oleh kalimah pengecualian iaitu ‘tetapi’.

Oleh yang demikian, jika Allah SWT bukan sifat yang berkehendak kepada Zat, maka Allah SWT Zat yang tidak berkehendak kepada Zat lain. Hal ini kerana, Jika Allah SWT berkehendak kepada Zat, nescaya Allah SWT itu sifat dan jika Allah SWT itu sifat sahaja tanpa Zat, maka Allah SWT tidak bersifat dengan sifat-sifat lain seperti Sifat *Ma‘ānī* dan perkara ini mustahil. Apabila, mustahil perkara ini untuk berlaku, maka mustahil jugalah perkara yang membawa kepadanya, iaitu Allah SWT itu sifat, dan mustahil juga Allah SWT berkehendak kepada Zat. Maka, jika Allah SWT tidak berkehendak kepada zat, mestilah Allah SWT Zat yang berdiri dengan diri sendiri, lantas bersifat dengan *Qiyāmuhu ta‘ālā binafsihi*.

Pengaplikasian ilmu *manṭiq* dalam perbahasan akidah ini bertepatan dengan metod Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (w. 324H) di dalam kitabnya *al-Ibānah* dan *al-Luma‘* yang juga menjadi pelopor bagi pendalilan ‘*aqli* melalui aplikasi hujah *manṭiq* dalam perbahasan akidah bagi mempertahankan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Sesuai sebagai pengasas aliran *Ashā‘irah*, semestinya Metodologi al-Ash‘ari ini kemudiannya terus digunakan, dihuraikan dan disebarkan secara meluas oleh para ulama *Ashā‘irah* sehingga kini. (Wahab & Hamat, 2019). Antara contoh dekat ulama Melayu lain yang juga mengikut metodologi ini ialah Tuan Guru Abdul Qadir bin Wangah al-Faṭānī (w. 1991M) atau lebih dikenali sebagai ‘Ayah Dir Sekam’ dalam kitabnya *Taqrīb al-Ikhwān*, Ayah Dir Sekam turut menggunakan *qiyās* secara agak meluas seperti pada dalil bagi sifat *Qidam* (Makdom et al., 2021).

PENGUNAAN ‘SENGOTI’ DALAM MENERANGKAN SIFAT 20

Topik ini berkait dengan istilah dalam ilmu akidah yang digunakan untuk menerangkan sifat-sifat wajib bagi Allah SWT. Terdapat dua istilah; 1) *Wujūdī* dan 2) *Tahaqquq*. Yang pertama bermaksud sesuatu yang mampu dicerap oleh lima deria manusia, dan istilah kedua bermaksud yang sebaliknya yakni hanya difahami di dalam akal dan tidak dapat dicerap dengan pancaindera yang lima (Joll, 2018). Semua sifat wajib bagi Allah SWT itu *tahaqquq* kecuali Sifat *Ma‘ānī* seperti disebut di dalam *Persediaan* “..atau mesti sengoti seperti Sifat *Salbiyyah* mesti sengoti Allah Taala bersifat dengan sedia hingga akhirnya” (Abdul Rahman, t.th.) dan lagi “..benda yang bangsa tiada sekira-kira tidak boleh nampak dengan mata kepala seperti Sifat *Nafsiyyah* dan *Salbiyyah* dan *Ma‘nawiyah*” (Abdul Rahman, t.th.).

Perkataan ‘sengoti’ ialah dialek Kelantan yang bermaksud ‘sungguh’ (Dewan Bahasa Dan Pustaka, t.th.). Dalam konteks ini, boleh difahami sebagai ‘sebenar-benarnya’ dan perkataan lain yang sinonim dengannya. Ia digunakan untuk menerangkan istilah *tahaqquq* kerana lebih mudah untuk memahami bahawa Sifat *Ma‘ānī* itu sungguh adanya dan boleh dilihat, sedangkan agak sukar untuk memahami bahawa sifat-sifat yang *tahaqquq* itu juga wujud namun tidak dapat dilihat. Oleh itu, penggunaan dialek tempatan ini memudahkan dalam memahami perkara ini terutama sekali bagi orang Kelantan.

Sungguhpun begitu, *Persediaan* bukanlah kitab akidah Jawi yang pertama menggunakan istilah ini kerana ia telah diguna pakai, sebagai contoh, oleh Tuan Guru Abdul Qadir bin Wangah al-Faṭānī (w. 1991M) di dalam kitabnya *Taqrīb al-Ikhwān* (Wangah al-Fathani, t.th.) yang selesai ditulis pada 1378 Hijrah bersamaan tahun 1959 (Fathy al-Faṭānī, & Yaakub Fatani, 2016) manakala *Persediaan* hanya selesai dikarang sedekad selepas itu iaitu pada tahun 1969.

Dalam tradisi bahasa Melayu lama, sifat *tahaqquq* -atau *thubūtī* dalam sebahagian kitab Jawi- ini seperti sifat *Wujūd* diterjemahkan sebagai ‘sungguh’ dan ia digunakan oleh ulama Nusantara di dalam kitab-kitab akidah mereka (Makdom et al., 2024). Perkataan ‘sungguh’ kemudiannya digunakan oleh Ustaz Muhadir bin Joll sebagai terjemahan bagi *tahaqquq* (Joll, 2018). Walaupun sinonimnya yang lebih kontemporari digunakan bagi perkataan ‘sengoti’, tidak dapat dinafikan ideanya timbul menerusi ‘sengoti’ di dalam *Persediaan* seperti yang didapati ketika pengkaji menghadiri suatu sesi bersama Ustaz Muhadir bin Joll di Auditorium Said Ramadhan al-Buti, KUIS, pada hari Sabtu, November 24, 2018. Perlu juga disebutkan bahawa *Persediaan* tidaklah menggunakan “sengoti” secara meluas kerana hakikatnya kitab ini hanya sebagai kitab permulaan akidah yang tidak membahas perbahasan secara terlalu mendalam. Oleh itu, ‘sengoti’ hanya terdapat di dalam kitab ini sebanyak lebih kurang enam kali sahaja.

1. Kali pertama dan kedua:

“Pertama wujub ertinya mesti ada seperti Sifat *Ma‘ānī* mesti ada pada Zat Allah Taala atau mesti sengoti seperti Sifat *Salbiyyah* mesti sengoti Allah Taala bersifat dengan sedia hingga akhirnya” (Abdul Rahman, t.th.)

Petikan ini apabila pengarang bagi *Persediaan* menerangkan hukum akal iaitu *wujūb* dan antara contoh perkara-perkara yang wajib bagi Allah SWT seperti Sifat *Ma'ānī* dan sifat-sifat lain yang wajib bagi Allah.

2. Kali ketiga:

“...erti wajib itu benda yang mesti ada seperti Sifat *Ma'ānī* atau benda yang mesti sengoti seperti diri Sifat *Salbiyyah*..” (Abdul Rahman, t.th.)

Petikan ini apabila pengarang menerangkan pula akal hukum khususnya *wājib* dan contoh yang diberi juga atau perkara-perkara yang wajib bagi Allah SWT seperti Sifat *Ma'ānī* dan sifat-sifat lain yang wajib bagi Allah SWT. Contoh lain ialah sifat wajib bagi para rasul SAW seperti *al-sidq* (Benar).

3. Kali keempat:

“..adapun tidak lemah yang lazim bagi *Qudrah* iaitu wajib bagi Allah Taala atau benda yang mesti tidak sengoti seperti lawan bagi Sifat *Salbiyyah*..” (Abdul Rahman, t.th.)

Petikan ini pula ketika pengarang menerangkan akal hukum khususnya *mustahīl*. Benda yang ‘mesti tidak sengoti’ bermaksud perkara sengoti yang mustahil untuk ada atau berlaku seperti lawan bagi Sifat *Salbiyyah*, *ta'addud* (berbilang) dan sebagainya.

4. Kali kelima:

“Ertinya bercakap engkau akan perempuan yang bernama Hind menyembuh ia akan penyakit di dalam badan engkau berkata aku betul kalau ada bercakap sengoti” (Abdul Rahman, t.th.)

Petikan ini apabila pengarang menerangkan pembahagian ketiga bagi *Kalām* Baru (*Kalām Ḥādīth*) iaitu *Kalām Maṣdarī*. Petikan ini ialah terjemahan bagi suatu syair Arab dan ini ialah salah satu daripada 3 syair Arab yang diletakkan oleh pengarang seperti dalam jadual 1.

5. Kali keenam:

“..maka Sifat *Ma'ānī* ini bukanlah sifat yang bangsa reti saja seperti wujud dan bukan sifat bangsa sengoti saja seperti *Salbiyyah*..” (Abdul Rahman, t.th.)

Petikan ini apabila pengarang kitab membuat rumusan bagi Sifat *Ma'ānī* selepas selesai membahas Sifat *Nafsiyyah*, Sifat *Salbiyyah* dan Sifat *Ma'ānī*. Diterangkan di sini bahawa Sifat *Ma'ānī* itu ada pada Zat Allah SWT atau *wujūdī* berbanding sifat-sifat Allah SWT yang lain yang bukan *wujūdī*. Walau bagaimanapun, penggunaan ‘sengoti’ dalam *Persediaan*

mempengaruhi Ustaz Muhadir bin Joll yang menandakan potensi penggunaan istilah ini dalam menerangkan *tahaqquq* (Joll, 2018).

TERJEMAHAN SIFAT MA'ĀNĪ KEPADA BAHASA MELAYU DENGAN IMBUHAN AWALAN “PE”

Kitab-kitab yang menerjemahkan Sifat *Ma'ānī* dengan imbuhan awalan “pe” mengaplikasikan metod terjemahan yang dinamakan dengan *isṭilāḥī*. Sebaliknya pula, kitab-kitab Jawi sebelum *Bākūrah al-Amānī* oleh Syeikh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī menggunakan metod yang boleh dinamakan sebagai *maḥmūmī* yang berorientasikan pemahaman (Dahlan, & Abd Latif, 2016). Justeru, terjemahan Sifat *Ma'ānī* mempunyai dua jenis makna yang wajarnya menghasilkan dua terjemahan walaupun kitab Jawi terdahulu tidak mengaplikasikannya. Pertama adalah *ma'nā ismī* (Abdul Qadir al-Fathani, 2020) dan di dalam konteks ini boleh difahami sebagai makna atau terjemahan yang sepadan dengan “اسم” kerana imbuhan “pe” menandakan kata nama dalam Bahasa Melayu. Kedua ialah *ma'nā maṣdarī* (Abdul Qadir al-Fathani, 2020) iaitu hasil metod terjemahan *maḥmūmī* (Dahlan, & Abd Latif, 2016) yang berkait dengan kata terbitan (Abdullah, 2005) atau kata kerja (Dahlan, & Abd Latif, 2016). Terjemahan pertama menandakan sifat itu sendiri sedangkan terjemahan kedua menunjukkan *ta'alluq* (tugas/peranan/pekerjaan) bagi sifat.

Perbezaan *ma'nā ismī* dan *ma'nā maṣdarī* merupakan kepentingan metod terjemahan yang berbeza ini iaitu yang melibatkan metod *maḥmūmī* dan *isṭilāḥī*. Sebagaimana yang telah dinyatakan, kitab *Umm al-Barāhīn* telah membentuk tradisi dan metod ulama Melayu dalam penulisan kitab akidah. Namun demikian, terdapat sebahagian yang menggunakan metod berbeza seperti Syeikh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī di dalam kitab *Bākūrah*, diikuti pula oleh Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah di dalam *Persediaan* (Abdul Rahman, t.th.). Penggunaan imbuhan awalan “pe” dalam menerjemahkan Sifat *Ma'ānī* seperti “Pekuasa” dan “Pelihat” sangatlah berlainan berbanding dengan kitab Jawi lain yang menggunakan imbuhan “ber” seperti berkehendak ('Abd al-Rahman, 1976) atau imbuhan ‘men’ seperti mengetahui (Abdullah, 2023) ataupun tidak meletakkan imbuhan seperti kuasa terjemahan bagi *Qudrah* (Muhammad Badawī al-Sumbawī, 2022). Perkara ini pernah mencetuskan kontroversi pada waktu itu sehinggakan para pelajar pondok mengkritik kitab Pak Da 'Eil ini lantas bertemu dengannya untuk bertanya tentangnya dan meminta penjelasan. Peristiwa ini berakhir dengan pengakuan pelajar pondok terhadap kealiman Pak Da 'Eil dalam ilmu Sifat 20 (Abd. Latif & Mohd Azhar, 2018).

Penjelasannya ialah, *Bākūrah* menggunakan metod atau pendekatan yang boleh dinamakan sebagai *isṭilāḥī* yang bertujuan untuk mencari padanan atau keserasian tatabahasa antara dua bahasa itu iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Contohnya, “اسم” serupa dengan kata nama dalam Bahasa Melayu (Dahlan, & Abd Latif, 2016). Contoh lain, “فعل” serupa dengan kata kerja di dalam Bahasa Melayu.

Untuk menjelaskan dengan lebih lanjut, imbuhan “pe” menunjukkan sesuatu yang *wujūdī* manakala terjemahan dengan imbuhan lain seperti “ber” atau “men” menunjukkan sesuatu yang *tahaqquq* atau “sengoti” yang sudah tentu bertentangan dengan Sifat *Ma'ānī* yang *wujūdī* (Joll, 2018). Sebagai contoh, “seseorang mendengar suara dengan Sifat Pedengar”, maka

jika dilihat pada ayat ini, 3 perkara iaitu, orang itu, suara dan Sifat Pedengar itu *wujūdī* sedangkan perbuatan mendengar itu ialah *tahaqquq* (Joll, 2018). Pemahaman ini kemudian diguna pakai kepada Sifat *Ma'ānī* yang *wujūdī* dan bukan *tahaqquq*.

Namun, pengkaji mendapati sesuatu yang berlainan. Perkataan Arab bagi Sifat *Ma'ānī* itu berada dalam bentuk *maṣḍar* (مصدر) dan “kata terbitan” ialah yang paling dekat dengannya. Contohnya, *Qudrah* (قدرة) ialah *ism* (اسم) yang berasal dari *fi'il qadara* (قدر) (Ibn Manzur, 2005) dan lebih tepat, perkataan Sifat itu *ism* kerana ianya dalam bentuk *maṣḍar* dan beginilah juga perkataan Sifat *Ma'ānī* yang lain. Telah dinyatakan bahawa *ma'nā ismī* atau imbuhan “pe” ialah “kata nama”, ini tidaklah salah kerana sememangnya perkataan Sifat *Ma'ānī* itu juga *ism*, namun ianya kurang tepat.

Bahasa Melayu ialah bahasa aglutinatif yang menggunakan imbuhan pada kata dasar untuk membentuk perkataan baru dengan makna berbeza yang membentuk “kata terbitan” manakala bahasa Arab pula mempunyai *al-taṣrīf* dan *maṣḍar* ialah sebahagian darinya (Pa, 2001). Maka, imbuhan “pe” secara tepatnya bukanlah kata nama tetapi kata nama terbitan iaitu sebahagian daripada kata terbitan (Yusoff, & Mohamed Adnan, 2009) kerana perkataan Sifat 13 itu dalam bahasa Arab merupakan *maṣḍar* yang juga *ism*. Seterusnya, telah dinyatakan juga *ma'nā maṣḍarī* sepadan dengan kata kerja atau kata terbitan sedangkan lebih tepatnya ialah kata kerja terbitan yang berasal dari kata terbitan (Radzi et al., 2012) dan bukan hanya kata kerja atau kata terbitan kerana imbuhan “ber” atau “men” yang menjadi hasil dari metod terjemahan *maḥmūmī* menunjukkan kepada *ta'alluq* sifat yang berfungsi sedikit sebanyak sebagai kata kerja.

Secara ringkasnya, terjemahan dengan imbuhan “pe” adalah hasil daripada metod terjemahan *isṭilāḥī* yang membawa kepada *ma'nā ismī*. Perkataan Sifat *Ma'ānī* itu dalam bentuk *maṣḍar* (juga *ism*) yang sepadan dengan kata terbitan dan imbuhan “pe” itu kata nama terbitan yang menjadi sebahagian dari kata terbitan dan terjemahan ini menunjukkan kepada sifat itu sendiri yang *wujūdī*. Sementara itu, terjemahan lain yang menggunakan imbuhan lain adalah hasil daripada metod terjemahan *maḥmūmī* yang membawa kepada *ma'nā maṣḍarī* yang sepadan dengan kata kerja terbitan iaitu berasal dari kata terbitan dan terjemahan ini menunjukkan kepada *ta'alluq* Sifat yang berfungsi sedikit sebanyak sebagai perbuatan atau kata kerja dan ianya *tahaqquq*. Oleh yang demikian, apabila menerjemahkan Sifat *Ma'ānī* itu sendiri (dan bukannya *ta'alluq sifat*), terjemahan yang lebih baik dalam Bahasa Melayu menurut metod ini adalah menambah imbuhan “pe” seperti “Pekuasa”, “Pekehendak” dan lain-lainnya kerana ianya *ma'nā ismī* sedangkan terjemahan lain seperti imbuhan “ber” ialah *ma'nā maṣḍarī* yang sebenarnya menunjukkan kepada *ta'alluq* bagi sifat.

Selain daripada *Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*, metod terjemahan Sifat *Ma'ānī* ini juga digunakan oleh Tuan Guru Abdul Qadir bin Wangah (w. 1991M) dalam *Taqrīb al-Ikhwān* (Wangah al-Fathani, t.th.), Tuan Guru Abdul Aziz bin Ismail al-Faṭānī (w. 1991M) dalam *al-Miṣbah al-Munīr* (Ismail al-Fathani, 2013) dan Ustaz Muhadir bin Joll dalam *Sifat 20 Suatu Pengenalan Asas* (Joll, 2018). Ini lebih menggambarkan impak dan kepentingan metod terjemahan ini dalam menerangkan Sifat *Ma'ānī*. Walau bagaimanapun, terdapat juga yang tidak menekankan kepentingan terjemahan ini yang juga diterima kerana tujuan mempelajarinya tetap sama iaitu untuk memahami akidah berkaitan sifat-sifat Allah SWT (Mohd Pidrus et al., 2022).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan kepentingan mengkaji warisan ilmu kitab Jawi terdahulu, melakukan kajian dan mengekalkan budaya intelektual, agar ia tidak diabaikan dan disia-siakan. Tambahan lagi, kajian ini juga mengisi kelompangan kajian berkaitan tokoh Tuan Guru Abdullah Lubok Tapah ini dan karyanya *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf* yang juga menyumbang kepada mengekalkan legasi tokoh ini. Latar belakang tokoh juga menunjukkan ketokohnya yang bukan sahaja menabur bakti mengajar ilmu agama di pondoknya, bahkan beliau juga terlibat dengan organisasi seperti Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB). Isi kandungan kitab *Persediaan* juga menandakan kealiman beliau dalam ilmu akidah menerusi kitabnya *Persediaan* yang mengikut metodologi pemikiran al-Sanūsī dalam *Umm al-Barāhīn* dan juga pemikiran Syekh Ismā'īl bin 'Abd al-Qādir al-Faṭānī (w. 1965M). Beliau juga alim dalam ilmu *Kalām* yang boleh dilihat melalui perbincangan dalil bagi 20 sifat, beliau juga mahir dalam ilmu *manṭiq* seperti yang boleh dilihat melalui pengaplikasian *qiyās* dalam kitab penulisannya dan beliau juga seorang yang banyak beramal dengan doa-doa. Oleh itu, jelaslah juga bahawa Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah juga merupakan salah seorang pemelihara tradisi *Ashā'irah* di Nusantara ini.

RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman, M. 'A. 1976. *Zahrah al-Murīd fī 'Aqā'id al-Tawḥīd*. Pattani: Maṭba'ah Bin Halābī.
- Abd. Latif, F., & Mohd Azhar, M. H. 2018. Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi Terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani Dalam Perbincangan Sifat 20. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 20(2), 93–126.
- Abdul Halim, Z. A. 2021. *'Aqīdah, Akal, Ilmu dan Adab Asas Pendidikan Imam al-Sanūsī*. Selangor, Malaysia: Nizamiyyah Publications & Distributors.
- Abdullah, D. 2023. *Al-Dūrr al-Thamīn fī Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*. Selangor: al-Hidayah Publication.
- Abdullah, M. Z. 2005. Al-'Ilm, al-Ma'qūlāt dan al-Ḥikmah dalam Pemikiran Ulama Melayu: Satu Penelitian Awal. *AFKĀR*, 6(1), 171-192.
- Abdul Qadir al-Fathani, I. 2020. *Tabṣīrah al-Adānī Bi Alḥānī Bākūrah al-Amānī*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman, A. t.th. *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*. Kota Bharu: Diyān Dār al-Na'im Sdn. Bhd.
- Amat Misra, M. K., Senin, N., Mahmood, A. R., Awang, J., & Nordin, M. N. 2021. Analysis on Ashā'irah and Ibādhīyah on the attributes of God. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(10), 7661–7673.
- Dahlan, M., & Abd Latif, F. 2016. Konsep Penterjemahan Sifat Salbiyyah dan Ma'ani Menurut Wan Ismail al-Fatani (Pak Da Ail) dalam Matan Bakurah al-Amani. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 18(1), 199–234.
- Al-Damanhūrī, A. 'A. M. 2008. *Īdāḥ al-Mubham li Ma'ānī al-Sullam*. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir. Dewan Bahasa Dan Pustaka. t.th.. Sengoti. dalam Dewan Bahasa Dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sengoti&d=107200&>.
- Al-Fādānī, M. Y. 2024. *Treatise on Logic*. Terj. M.Furber. Islamosaic.

- Fathy al-Faṭānī, A., & Yaakub Faṭānī, A. G. 2016. *Al-Nuḥḥah al-Rabbaniyyah fī Siyar ‘Ulamā’ al-Faṭānīyah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Hamdan Abdullah Al-Yarmouki Al-Funduqi. 2016, Julai 28. Legasi Tuan Guru Haji Abdullah Pondok Lubok Tapah. Facebook. <https://www.facebook.com/share/p/N5tAhUfV1qTLhuCW/?mibextid=xfxF2i>
- Ibn Manzūr, M. M. 2005. *Lisān al-‘Arab*. Jil.3. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail al-Fathani, A. A. 2013. *al-Miṣbah al-Munīr fī Ma‘rifah Allāh al-Qadīr: lampu yang terang menyala dalam mengenali Allah Yang Maha Kuasa*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Ismail, M. R. 2020, Mei 21. Tok Guru Haji Lah Lubok Tapah pakar bidang fiqah. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/580990/tok-guru-haji-lah-lubok-tapah-pakar-bidang-fiqah>.
- Jamsari, E. A., Yaakub, N. I., Mujani, W. K., Sulaiman, A., Jusoff, K., Wan Hussain, W. M. H., Zainol, Z. A., Abul Hassan, M. Z., & Mat Arifin, M. R. 2011. The influence of Middle East on the development of Islamic education in Kelantan, Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 7(1), 141-150.
- Joll, M. 2018. *Sifat 20 Suatu Pengenalan Asas*. Kuala Lumpur: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Latief, H., Robani, A., Kamarudin, M. F., & Rozikan, R. 2021. becoming the state-funded madrasah or retaining autonomy: the case of two madrasahs in Kelantan. *Qudus International Journal of Islamic Studies (QIJIS)*, 9(1), 1-36.
- Al-Mārighnī Aḥmad, I. 2012. *Ṭālī ‘al-Bushrā’ alā al-‘Aqīdah al-Ṣuḡhrā*. Mesir: Dār al-Ḍiyā’.
- Mahmud, A. R. 2017. *Biografi singkat 40 ulama’ terpilih negeri Kelantan*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Makdom, A. H. A., Shuhari, M. H., Omar, S. H. S., Al-Shafi’i, M. M. O., & Abdullah, M. S. 2021. The methodology of al-qiyas al-iqtirānī by ‘Abd Al-Qādir Wangah in describing the attribute of qidam’s burhān in Taqrib Al-Ikhwan. *Islam Universalia: International Journal of Islamic Studies and Social Sciences*, 2(3), 476-492.
- Makdom, A. H. A., Shuhari, M. H., Wan Jusoh, W. H. ., Khairuddin, W. H. ., & Ibrahim, A. Q. 2024. Pengaplikasian maqasid al-tasdiq ilmu mantik dalam penghujahan (burhan) sifat nafsiyyah: analisis kitab Risalah al-Tawhid. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 26(2), 497-528.
- Mhd Deris, M. A. H., & Osman, K. 2021. Ketokohan Dr. Hilaludin Bin Haji Abdullah Qari Dalam Bidang Dakwah. Dibentang di Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH). 12 Julai 2021, Bandar Baru Bangi, Malaysia, 12 h.
- Mohamed Ramli, F. Z., al-Shiddieque Ahmad, M. H., & Mohd. Zin, S. M. 2017. Salasilah sanad kitab turath hadis tokoh ulama Kelantan Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah (1933-2008). *HADIS*, 7(14), 1-23.
- Mohd Pidrus, N. H., Zainudin, N. S. N., Mohd Amirul, N. A., Othmman, S., Mamat, A., & Shuhari, M. H. 2022. Bentuk pembelajaran akidah sifat 20 di Nusantara serta kepentingannya terhadap keharmonian dalam masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 130-142.
- Muḥammad Badawī al-Sumbāwī, M. Z. 2022. *Sirāj al-Hudā*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Muhammad Zain al-Fathani, A. 2021. *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Pa, M. T. 2001. Perbandingan ciri-ciri umum nahu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dan kaitannya dengan kesulitan pelajar-pelajar Melayu mempelajari Bahasa Arab. *Journal of Modern Languages*, 13(1), 133-147.
- Pusat Pembangunan Pondok Berhad. 2009, Mac 9. Mudir Pondok Lubok Tapah Hingga Mac 2008. <https://epondok.wordpress.com/2009/03/09/mudir-hingga-mac-2008/>.
- Radzi, H., Mohamed Sultan, F. M., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. 2012. Analisis bahasa

- komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(3), 885-901.
- Rahman, A., Suryani, I., Rahmia, N., Rahman, K., & Maslan, D. 2022. The concept of wahdaniyah Allah perspective of Muhammad Nafis in the book of Ad-Durrun Nafis as an effort to instill aqidah in early childhood generation alfa. *Edumaspul: Jurnal Pendidikan*, 6(2), 2474-2480.
- Razali, H. 2022, April 24. Jasa Pondok Lubok Tapah berusia 91 tahun [METROTV]. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/835355/jasa-pondok-lubok-tapah-berusia-91-tahun-metrotv>.
- Al-Sanūsī, M. Y. 2019. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā*. Syria: Dār al-Taqwā.
- Al-Sharqāwī, ‘A. Ḥ. 2022. *Ḥāshiyah al-Sharqāwī ‘alā Sharḥ al-Hudhudī ‘alā al-‘Aqīdah al-Sanūsiyyah*. Kaherah: Dār al-Iḥsān.
- Sidik, M. A. 2023. Bantahan Tuan Tabal (M. 1894M) terhadap faham wujudiah dalam kitab Bab Harap. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 229–237.
- Stapa, Z., Ismail, I., Wan Zakaria, W. F. A., Mahmood, A. R., Kamarzaman, M. H., Azmi, M. F. 2018. *Sejarah Al-Asha’ri dan al-Asha’irah di Nusantara*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Wahab, M. R., & Hamat, M. F. 2019. Metode penghujahan Al-Ash’ari mendepani aliran menyeleweng. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 130-149.
- Wangah al-Fathani, A. Q. t.th.. *Taqrīb al-Ikhwān fī Ta‘allum ‘Aqā'id al-Īmān*. Pattani.
- Yusoff, M. A., & Mohamed Adnan, M. A. 2009. Perkataan arab dalam Bahasa Melayu: satu tinjauan dari aspek morfologi. *Jurnal Usuluddin*, 30(1), 305-324.
- Yusuff, T. 2021. *Permata didikan Tok Kenali*. Jilid 1. Kedah: Pustaka Alam Melayu.
- Zainal Abidin, M. Z. H., Mohd Noor, A. F., Jaapar, K., Mohd Noh, A., & Musa, A. N. 2022. kemapanan unsur tradisi dalam survival institusi pondok di Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 1-16.